

08 JUN 2004

Mahathir-Media

AGENSI BERITA PERLU BENTUK RANGKAIAN DAN PERCAYA SESAMA MEREKA, KATA
DR M

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Agensi-agensi berita nasional perlu membentuk rangkaian untuk menyalur berita dan maklumat dinegara mereka serta saling percaya sesama mereka bagi menyediakan laporan tepat mengenai negara-negara membangun, kata Tun Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Bercakap pada jamuan malam Perhimpunan Agung ke-12 Pertubuhan Agensi-agensi Berita Asia-Pasifik (Oana) di sini, bekas perdana menteri itu berkata melalui cara itu mereka tidak lagi perlu bergantung kepada agensi-agensi berita antarabangsa yang selalu menyediakan laporan tidak tepat mengenai negara-negara membangun.

Menurut Dr Mahathir sudah sampai masanya agensi-agensi berita nasional mengenali antara satu sama lain dan memperjuangkan negara-negara Selatan.

"Laporan berita oleh agensi berita antarabangsa mengenai negara-negara membangun sentiasa tidak betul dan berat sebelah. Jadi jika kita sendiri tidak buat laporan... jika kita tidak percaya sesama sendiri, maka kita akan terus berjauhan."

"Saya harap organisasi agensi-agensi berita nasional ini akan cuba memecah kebuntuan ini... belajar saling mempercayai sesama sendiri dan menyumbang ke arah meningkatkan lagi perjuangan untuk negara-negara selatan," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Penerangan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin.

Dr Mahathir berkata agensi-agensi berita nasional kini cenderung untuk bergantung kepada agensi-agensi berita antarabangsa dalam mendapatkan maklumat dan berita mengenai negara-negara membangun.

"Namun laporan mereka (agensi berita antarabangsa) tidak tepat... cenderung untuk merosakkan negara-negara membangun, menyebabkan orang tidak mahu melawat atau melabur di sini negara-negara ini (membangun),"

katanya.

Beliau berkata berdasarkan keadaan itu peranan agensi-agensi berita nasional kini menjadi semakin penting.

Dr Mahathir berkata agensi-agensi berita nasional boleh menggunakan Internet untuk menyalurkan berita dan foto dengan kelajuan tinggi dan segera yang boleh membantu memperkukuhkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara Selatan.

Malangnya ia tidak popular, katanya.

Dr Mahathir berkata banyak ramalan yang dibuat oleh majalah-majalah antarabangsa juga tidak tepat dan salah.

"Semasa kontena digunakan untuk mengangkut barang kira-kira 35 tahun lepas...ada laporan mengatakan ia bukan kaedah penghantaran barang yang akan digunakan pada masa depan, kontena tidak akan menjadi popular. Tetapi (hari ini) kebanyakan barang dihantar menggunakan kontena," katanya.

Sambil menyebut beberapa contoh di Malaysia seperti isu perhubungan kaum, Dr Mahathir juga menyebut mengenai laporan berat sebelah oleh media antarabangsa mengenai Malaysia.

"...yang menyiarkan ada ketegangan. Akan bergaduh sesama mereka. Tidak stabil. Dan mereka akan terus berkata mengenainya setiap kali menyebut mengenai Malaysia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata agensi-agensi berita antarabangsa dan media juga selalu mempersoalkan kebebasan media di negara ini.

"Hakikat bahawa akhbar mereka dicetak dan diedarkan di Malaysia dan Asia Tenggara bukan bukti yang mencukupi bahawa media Malaysia bebas. Kita tidak pernah menyekat atau cuba menapisnya," katanya.

Dr Mahathir berkata di Malaysia, ada akhbar yang menyokong dan mengkritik kerajaan.

"Apa salahnya menyokong kerajaan. Di England ada akhbar yang menyokong (parti-parti) Buruh, Konservatif dan juga Liberal. (Tetapi) negara ini (Malaysia) dilabel sebagai sebuah negara yang tidak mengamalkan kebebasan media," katanya.

"Mereka datang ke sini, habiskan lima minit dan mereka sertamerta menjadi pakar (mengenai Malaysia). Mereka mesti dianugerah kuasa mistik,"

katanya.

Ketika menjawab soalan daripada perwakilan kemudian. Dr Mahathir berkata memerangi keganasan bukan seperti memerangi perang konvensional yang musuh dikenali dan oleh itu keganasan mesti ditangani menerusi pasukan keselamatan serta mengenal pasti puncanya.

"Sebab kita tidak tahu siapa mereka. Mereka mungkin orang disebelah anda," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bagi mencapai status negara maju menjelang 2020 bukan bermakna semestinya menjadi negara perindustrian.

Kita boleh menjadi negara maju... tidak semestinya negara industri. Menempatkan industri tertentu, bukan semua industri," katanya.

-- BERNAMA

RV RV LAT